

NO SOALAN :48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
(PANDAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 06.03.2018

Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sahkan MKD Signature Sdn. Bhd. (1221313-V) dan Sentuhan Budiman Sdn. Bhd. (1160937-P) adalah syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Malaysia melalui salah satu Kementerian atau agensi yang dimiliki Kerajaan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

MKD Signature Sdn. Bhd. dan Sentuhan Budiman Sdn. Bhd. adalah syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Malaysia melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Syarikat-syarikat ini ditubuhkan bagi melaksanakan pelbagai pelaburan strategik MKD.

Selain itu, objektif penubuhan syarikat-syarikat ini adalah untuk membantu menjalankan fungsi MKD dengan lebih efektif dan efisien serta memastikan penglibatan pihak Kerajaan di dalam pelbagai pembangunan yang berimpak tinggi dan mempunyai kepentingan kepada negara berjaya dilaksanakan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.